



**KENYATAAN MEDIA  
20 MEI 2020**

---

**PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN  
PROGRAM KASIH IBU *SMART* SELANGOR BAGI GOLONGAN IBU TUNGGAL  
(*KISS IT*) SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*)**

Program Kasih Ibu *Smart* Selangor iaitu KISS adalah merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai penghormatan dan pengiktirafan serta menghargai sumbangan dan pengorbanan ibu-ibu dalam membentuk jatidiri dan membesarkan generasi masa depan serta melahirkan institusi keluarga yang bahagia dan sejahtera.

Melalui inisiatif ini, Kerajaan Negeri telah membiayai RM 200.00 kepada golongan ibu yang layak bagi menampung pembelian barangan keperluan asas keluarga secara tanpa tunai (*cashless*) di kedai-kedai dan pasaraya-pasaraya di seluruh Selangor yang telah dikenalpasti. Kerajaan Negeri Selangor melalui pembentangan belanjawan tahun lalu telah menyediakan peruntukan berjumlah RM62 juta bagi pelaksanaan KISS tahun 2020 yang dapat memberikan manfaat kepada 25,000 orang penerima yang memenuhi kelayakan.

Penularan virus Covid-19 masa kini telah memberi impak dan menjejaskan sosio-ekonomi kepada seluruh dunia dan tidak terkecuali di Malaysia. Pelbagai usaha telah direncana dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membendung dan memutuskan rantaian penularan virus termasuklah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai (PKPBD).

Dalam konteks Negeri Selangor, golongan ibu tunggal dikenalpasti sebagai antara kelompok yang sangat terkesan semasa PKP dan PKPBD dilaksanakan. Ini dapat dilihat daripada peningkatan jumlah permohonan Bantuan Nafkah Sokongan Keluarga Selangor yang diterima dalam tempoh PKP ini yang dikendalikan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS).

Namun demikian, pemberian Bantuan Nafkah Sokongan Keluarga Selangor ini adalah tertakluk kepada kriteria kelayakan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, bagi menyantuni golongan ibu tunggal yang terdiri daripada pelbagai kaum yang turut terkesan akibat Covid-19 ini, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah baik Program KISS agar ianya dapat dimanfaatkan secara optima oleh golongan

yang benar-benar memerlukan. Maka, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM 7 juta daripada program KISS sedia ada kepada bagi Program KISS Ibu Tunggal (*KISS IT*), yang bakal memberi manfaat kepada 5000 orang ibu tunggal di seluruh Negeri Selangor.

Matlamat utama Program *KISS IT* ini adalah bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan ibu tunggal yang terkesan terutama yang berpendapatan rendah dalam memenuhi keperluan asas kehidupan keluarga yang semakin mencabar terutama di dalam tempoh pelaksanaan PKPBD ini. Golongan ibu tunggal yang memenuhi syarat kelayakan akan menerima RM200.00 secara tanpa tunai (*cashless*) bagi pembelian keperluan asas di kedai-kedai dan pasaraya-pasaraya yang telah dikenalpasti sebagaimana pelaksanaan Program KISS sedia ada.

Jika Program KISS sebelum ini perlu dimohon secara manual, Kerajaan Negeri telah menambah baik Program *KISS IT* di mana ianya boleh dimohon secara atas talian (*online*). Para pemohon boleh menyemak kriteria dan syarat permohonan di laman sesawang [www.kiss.com.my](http://www.kiss.com.my) dan permohonan boleh mula dibuat pada hari ini, 20 Mei 2020. Suka untuk saya memaklumkan, setiap permohonan akan mengambil masa 2-4 minggu untuk proses kelulusan dan dijangka pembelian pertama boleh dibuat pada bulan Jun akan datang. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan agensi pengendali di **Hotline Selcare 1-800-22-6600**.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua para petugas barisan hadapan kita yang telah memberikan komitmen tinggi dalam usaha kita membendung penularan wabak Covid-19 ini. Pesan saya untuk semua rakyat di Negeri Selangor agar sentiasa patuh kepada arahan PKPBD yang telah dikeluarkan dan amalkan norma baharu kehidupan kita terutama menjelang Hari Perayaan ini iaitu; i-) Sentiasa mencuci tangan; ii.) Amalkan penjarakkan sosial; iii.) Elakkan sentuhan fizikal seperti bersalaman; dan iv.) Pakailah penutup muka bagi melindungi diri dan orang di sekeliling anda. Marilah sama-sama kita berdoa agar Negeri dan Negara kita akan segera keluar daripada belanggu wabak Covid-19 ini.

Sekian terima kasih.

**YB DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan,  
Pemberdayaan Wanita & Keluarga Negeri Selangor**

N39



[shatirimansor.com](http://shatirimansor.com)  
[bit.ly/Shatiri](https://bit.ly/Shatiri)

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN KISS IT

Bil	Syarat KISS Sedia Ada	Cadangan Tambahan Syarat <u>KISS Ibu Tunggal Secara Dalam Talian (Online)</u>
1	Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia; <b><u>dan</u></b>
2	Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi 10 tahun	Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi 10 tahun; <b><u>dan</u></b>
3	Pemilih berdaftar di Selangor	Pemilih berdaftar di Selangor.
4	Wanita berkeluarga (berkahwin atau ibu tunggal) yang mempunyai anak/tanggungan di bawah umur 18 tahun	<b><u>Ibu tunggal yang mempunyai anak / tanggungan di bawah umur 18 tahun / di bawah umur 21 tahun (masih belajar di pusat pengajian tinggi) / anak OKU (tiada had umur)</u></b>
5	Berpendapatan isi rumah RM2,000.00 dan ke bawah sebulan	Berpendapatan isi rumah RM2,000.00 dan ke bawah sebulan
6	Berdaftar di dalam sistem eKasih (kategori Miskin dan miskin tegar) atau sebagai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH)	<b><u>Berdaftar di dalam sistem eKasih (kategori Miskin dan miskin tegar) / sebagai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) / akan diverifikasi oleh Jawatankuasa Tetap Kebajikan</u></b>
7		<b><u>Bukan penerima KISS sedia ada / Bukan penerima bantuan lain yang disediakan oleh agensi lain</u></b>

## SENARAI BARANGAN KEPERLUAN ASAS YANG DILULUSKAN

PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT  
DUN KOTA DAMANSARA (N39)  
YB SHATIRI MANSOR  
TEL: 03-7859 6141

shatirimansor.com  
bit.ly/Shatiri



Beras



Mi dan Bihun



Roti



Biskut



Telur



Gula dan Garam



Rempah ratus, sos,  
kicap dan sebagainya



Tepung



Minyak  
masak



Sayur-sayuran  
dan buah-buahan



Daging ayam, lembu,  
kambing dan ikan



Sabun, kelengkapan mandian  
dan bahan pencuci



Lampin pakai buang  
(bayi / dewasa)



Produk tenusu  
susu segar, susu tepung,  
susu sejat dan susu pekat manis



Barangan persekolahan  
kasut, beg, buku, alatulis,  
pakaian seragam dan sebagainya

**Nota :** Hanya barangan yang tersenarai di atas  
diluluskan untuk pembelian. Tiada had  
dari segi jenama barangan yang dipilih.